

**APLIKASI KONSEP MUTAWATIR DALAM  
ILMU QIRAAAT SEBAGAI KAEDAH PENENTU  
KESAHAN DAN KEBOLEHPERCAYAAN DATA  
DALAM KAEDAH PENYELIDIKAN  
BERTERASKAN ISLAM**

**NUR SAKIINAH BINTI AB AZIZ**

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**2018**

**APLIKASI KONSEP MUTAWATIR DALAM  
ILMU QIRAAAT SEBAGAI KAEDAH PENENTU  
KESAHAN DAN KEBOLEHPERCAYAAN DATA  
DALAM KAEDAH PENYELIDIKAN  
BERTERASKAN ISLAM**

**oleh**

**NUR SAKIINAH AB AZIZ**

**Tesis yang diserahkan untuk  
memenuhi keperluan bagi  
Ijazah Doktor Falsafah**

**September 2018**

## PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang. Segala puji bagi Allah SWT yang melimpah rahmat-Nya ke seluruh alam, selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW, keluarga Rasulullah, para sahabat, *tābi‘īn*, *tābi‘ al-tābi‘īn* serta semua yang mengikuti jejak langkah perjuangan mereka hingga ke hari perhitungan.

Penyelidik sangat bersyukur ke hadrat Allah SWT dengan rahmat, kasih-sayang, *tawfiq* serta pertolongan-Nya, penyelidik dapat menyiapkan kajian yang dijalankan. Seluruh puji-pujian dirafakkan ke hadrat Allah SWT kerana kajian mengenai konsep mutawatir dalam ilmu qiraat sebagai kaedah penentu kesahan dan kebolehpercayaan data penyelidikan ini dapat disiapkan. Mudah-mudahan kajian ini dikira sebagai salah satu amalan soleh pemberat mizan di akhirat juga sedikit sebanyak menyumbang ke arah kemajuan dan pembangunan Islam.

Ketika proses menyiapkan tesis ini, sejuta penghargaan dan ucapan terima kasih dirakamkan kepada pelbagai pihak yang telah memberi bantuan dan pertolongan sama ada secara langsung mahupun tidak langsung. Pertamanya seluruh penghargaan dikalungkan kepada kedua-dua penyelia yang dihormati; Dr. Mohd. Shukri Hanapi dan Dr. Shahir Akram Hassan, yang tidak lelah dan jemu membimbing, memberi tunjuk ajar, menasihati, memberi dorongan, dan cadangan-cadangan sepanjang kajian ini dijalankan. Semoga segala tenaga yang dicurahkan, idea yang dicambahkan serta pengorbanan mereka berdua diganjari Allah dengan sebaik-baik ganjaran.

Kedua, kalungan penghargaan dihulurkan kepada semua pensyarah di Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Universiti Sains Malaysia (USM) yang menjadi tempat rujukan saya. Kepakaran dan sikap tidak lokek para pensyarah di ISDEV memberi banyak manfaat kepada saya. Tidak lupa juga diucapkan jutaan terima kasih kepada staf-staf ISDEV yang sentiasa membantu dan memudahkan segala urusan yang berkaitan teknikal.

Ketiga, jutaan terima kasih diucapkan kepada pihak Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) dan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) kerana memberi peluang kepada saya untuk melanjutkan pengajian di peringkat ijazah Doktor Falsafah. Begitu juga kepada pihak Perpustakaan Hamzah Sendut, USM, Perpustakaan Universiti Malaya, Perpustakaan Akademi Pengajian Islam, UM, Perpustakaan Nilam Puri, UM, Perpustakaan Darul Hikmah, UIAM, Perpustakaan Kolej Universiti Insaniah, dan Perpustakaan Universiti Sultan Zainal Abidin.

Keempat, jutaan penghargaan kepada sahabat-sahabat dan rakan-rakan seperjuangan di ISDEV, USM, terutama sahabat-sahabat seperjuangan dalam bidang kaedah penyelidikan berteraskan Islam. Mereka ialah Dr. Wan Khairul Firdaus Wan Khairuldin, Dr. Nor Hanani Ismail, Dr. Wan Khairul Aiman Wan Mokhtar, Dr. Mohd. Syahmir Alias, Dr. Abdul Hanis Embong, Dr. Nur Ilani Mat Nawi, dan Ustazah Kasimah Kamaruddin. Tidak lupa juga kepada sahabat-sahabat seperjuangan yang tidak mampu disebut nama mereka satu-persatu di sini yang

secara langsung mahupun tidak langsung sering mendoakan, mengambil berat dan memberikan kata-kata semangat serta bantuan kepada saya selama proses penghasilan tesis ini. Tanpa doa, kata-kata semangat, buah fikiran, perbincangan, dan pertukaran buah fikiran daripada mereka berkemungkinan kajian ini tidak mampu diselesaikan.

Akhir sekali, penghargaan yang teristimewa buat ayahanda Ab Aziz Mamat serta ibunda Raja Endun Raja Abdul Rahman yang sentiasa dan tidak putus-putus memberi doa restu kesihatan dan keselamatan berpanjangan, di samping dorongan dan sokongan kepada anakanda mereka yang jauh di mata. Tidak lupa juga buat adik-beradik; kakanda Nursabila, adinda-adinda; Nu'man, Nusaibah, Nailah, dan Najwa Syakirah yang sentiasa memberi doa, sokongan, semangat, dan pertolongan sepanjang perjuangan menyiapkan tesis ini. Semoga Allah membala budi dan jasa baik kalian semua dengan sebaik-baik balasan dan ganjaran, *āmin* Ya Rabb al-‘ālamīn.

Nur Sakiinah binti Ab Aziz  
Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV)  
Universiti Sains Malaysia (USM)

4 September 2018

## SENARAI KANDUNGAN

|  |          |
|--|----------|
| PENGHARGAAN  | ii       |
| SENARAI KANDUNGAN  | iv       |
| SENARAI JADUAL   | ix       |
| SENARAI RAJAH  | x        |
| SENARAI SINGKATAN  | xi       |
| PANDUAN TRANSLITERASI  | xiii     |
| ABSTRAK  | xiv      |
| ABSTRACT   | xvi      |
| <br>   |          |
| <b>BAB 1 - PENGENALAN</b>  | <b>1</b> |
| 1.1    Pendahuluan   | 1        |
| 1.2    Latar Belakang Kajian   | 1        |
| 1.2.1    KPKKD Lazim   | 4        |
| 1.2.1(a)    Kaedah Triangulasi   | 10       |
| 1.2.1(b)    Kaedah Kesahan Luaran ( <i>External Validity</i> )   | 12       |
| 1.2.1(c)    Kaedah Kesahan Dalaman ( <i>Internal Validity</i> )  | 13       |
| 1.2.1(d)    Objektiviti  | 14       |
| 1.2.1(e)    Kaedah Temu Bual Pakar   | 14       |
| 1.2.1(f)    Kaedah Pemeriksaan Rakan Sebaya  | 15       |
| 1.2.2    Kritikan Terhadap Kaedah Penentu Kesahan dan<br>Kebolehpercayaan Data (KPKKD) Lazim dari Perspektif Islam | 17       |
| 1.2.3    Pembinaan KPBI  | 20       |
| 1.2.4    Sejarah Ilmu Qiraat   | 31       |
| 1.2.5    Konsep Mutawatir dalam Ilmu Qiraat  | 36       |
| 1.3    Pernyataan Masalah  | 44       |
| 1.4    Objektif Kajian   | 47       |

|   |   |           |
|---|---|-----------|
| 1.5   | Persoalan Kajian  | 48        |
| 1.6   | Definisi Operasional Kajian                                     | 50        |
| 1.6.1   | Aplikasi Konsep   | 50        |
| 1.6.2   | Mutawatir   | 52        |
| 1.6.3   | Kesahan dan Kebolehpercayaan Data                               | 53        |
| 1.6.4   | Kesahan dan Kebolehpercayaan Data dalam Islam                   | 55        |
| 1.6.5   | Kaedah Penyelidikan Berteraskan Islam (KPBI)                    | 59        |
| 1.7   | Skop dan Batasan Kajian   | 60        |
| 1.8   | Kepentingan Kajian  | 63        |
| 1.9   | Sumbangan Kajian  | 64        |
| 1.10  | Organisasi Tesis  | 66        |
| 1.11  | Rumusan   | 67        |
| <b>BAB 2 - KAJIAN LEPAS DAN SOROTAN KARYA</b> |   | <b>69</b> |
| 2.1   | Pendahuluan   | 69        |
| 2.2   | Kajian Lepas  | 70        |
| 2.2.1   | KPKKD Lazim   | 71        |
| 2.2.2   | KPKKD dalam Kajian Penyelidikan Berkaitan Islam dan Orang Islam | 88        |
| 2.2.3   | Kaedah Penyelidikan Berteraskan Islam                           | 92        |
| 2.2.4   | Perkembangan Ilmu Qiraat dan Jenis-Jenis Qiraat                 | 98        |
| 2.3   | Analisis Kajian Lepas   | 102       |
| 2.4   | Sorotan Karya   | 105       |
| 2.4.1   | KPKKD Lazim dan Islam   | 106       |
| 2.4.2   | Kaedah Penyelidikan Berteraskan Islam                           | 109       |
| 2.4.3   | Ilmu Qiraat dan Qiraat <i>Mutawātirat</i>                       | 116       |

|   |   |            |
|---|---|------------|
| 2.5   | Analisis Sorotan Karya  | 119        |
| 2.6   | Kerangka Konseptual Kajian  | 120        |
| 2.7   | Rumusan   | 123        |
| <b>BAB 3 - KAEADAH PENYELIDIKAN</b>               |   | <b>124</b> |
| 3.1   | Pendahuluan   | 124        |
| 3.2   | Reka Bentuk Kajian  | 125        |
| 3.3   | Kaedah Pengumpulan Data   | 132        |
| 3.3.1   | Sumber Utama  | 133        |
| 3.3.2   | Sumber Kedua  | 135        |
| 3.3.3   | Sumber Ketiga   | 136        |
| 3.4   | Kaedah Penganalisisan Data  | 138        |
| 3.5   | Rumusan   | 146        |
| <b>BAB 4 - KONSEP MUTAWATIR DALAM ILMU QIRAAT</b> |   | <b>147</b> |
| 4.1   | Pendahuluan   | 147        |
| 4.2   | Perkembangan Ilmu Qiraat  | 148        |
| 4.2.1   | Sejarah Qiraat Pada Zaman Rasulullah SAW dan <i>Khulafā’ al-Rāsyidīn</i> r.ah | 149        |
| 4.2.2   | Perkembangan Qiraat Selepas Zaman <i>Khulafā’ al-Rāsyidīn</i> r.ah            | 170        |
| 4.3   | Jenis-Jenis Qiraat  | 175        |
| 4.3.1   | Qiraat <i>Mutawātirat</i>   | 176        |
| 4.3.2   | Qiraat <i>Masyhūrat</i>   | 177        |
| 4.3.3   | Qiraat <i>Al-Āḥādiyyat</i>  | 177        |
| 4.3.4   | Qiraat <i>Al-Syādhidhat</i>   | 178        |
| 4.3.5   | Qiraat <i>Mawdū’at</i>  | 179        |

|   |  |            |
|---|--|------------|
| 4.3.6   | <i>Qiraat Mudrajat</i>   | 179        |
| 4.4   | <i>Syarat-Syarat Qiraat Mutawātirat</i>  | 181        |
| 4.4.1   | <i>Rasm ‘Uthmāniy</i>  | 182        |
| 4.4.2   | Kaedah Tatabahasa Arab   | 185        |
| 4.4.3   | Sanad Mutawatir  | 186        |
| 4.5   | Kepentingan Sanad dalam Islam  | 192        |
| 4.6   | Pembinaan Konsep Mutawatir   | 199        |
| 4.6.1   | Kepentingan Sanad Mutawatir dalam Ilmu Qiraat  | 200        |
| 4.6.2   | Ciri-Ciri Perawi dalam Konsep Mutawatir  | 202        |
| 4.6.2(a)  | Islam  | 202        |
| 4.6.2(b)  | Berakal  | 204        |
| 4.6.2(c)  | <i>Dābit</i>   | 206        |
| 4.6.2(d)  | Belajar dalam Tempoh yang Lama   | 208        |
| 4.6.2(e)  | Amanah   | 208        |
| 4.6.2(f)  | Adil   | 210        |
| 4.6.2(g)  | Diiktiraf Keilmuannya  | 212        |
| 4.6.3   | Bilangan Perawi  | 215        |
| 4.6.4   | Kaedah <i>Talaqqī</i> ( <i>al-Samā‘</i> dan <i>al-Musyāfahat</i> )                               | 218        |
| 4.7   | Rumusan  | 220        |
| <b>BAB 5 - ANALISIS KONSEP MUTAWATIR SEBAGAI<br/>KPKKD DALAM KPBI</b> |  | <b>222</b> |
| 5.1   | Pendahuluan  | 222        |
| 5.2   | Analisis Ciri-Ciri Perawi dalam Konsep Mutawatir Sebagai<br>KPKKD Penyelidikan Berteraskan Islam | 223        |
| 5.2.1   | Islam  | 224        |
| 5.2.2   | Berakal  | 229        |

|  |  |            |
|--|--|------------|
| 5.2.3                                      | Dābit  | 233        |
| 5.2.4                                      | Belajar dalam Tempoh yang Lama   | 235        |
| 5.2.5                                      | Amanah   | 238        |
| 5.2.6                                      | Adil   | 241        |
| 5.2.7                                      | Diiktiraf Keilmuannya  | 243        |
| 5.3  | Analisis Bilangan Perawi dalam Konsep Mutawatir Sebagai KPKKD Penyelidikan Berteraskan Islam       | 247        |
| 5.4  | Analisis Kaedah <i>Talaqqī</i> dalam Konsep Mutawatir Sebagai KPKKD Penyelidikan Berteraskan Islam | 250        |
| 5.5  | Perbandingan Konsep Mutawatir dengan KPKKD KPBI yang Lain  | 253        |
| 5.6  | Rumusan Aplikasi Konsep Mutawatir Sebagai KPKKD dalam KPBI   | 255        |
| 5.7  | Kekuatan Konsep Mutawatir Sebagai KPKKD Penyelidikan Berteraskan Islam                             | 261        |
| 5.8  | Rumusan  | 266        |
| <b>BAB 6 - PENUTUP</b>                     |  | <b>267</b> |
| 6.1  | Pendahuluan  | 267        |
| 6.2  | Penemuan Utama dan Rumusan Kajian  | 267        |
| 6.3  | Implikasi Kajian   | 272        |
| 6.3.1                                      | Implikasi Teoretikal   | 273        |
| 6.3.2                                      | Implikasi Empirikal  | 275        |
| 6.4  | Saranan Kajian Masa Hadapan  | 277        |
| 6.4.1                                      | Subjek Kajian  | 277        |
| 6.4.2                                      | Skop Analisis Kajian   | 277        |
| 6.5  | Rumusan  | 278        |
| <b>BIBLIOGRAFI</b>                         |  | <b>280</b> |
| <b>SENARAI PENERBITAN DAN PEMBENTANGAN</b> |  | <b>299</b> |

## **SENARAI JADUAL**

|   | <b>Halaman</b> |
|---|----------------|
| Jadual 1.1 Korelasi antara Objektif Kajian dengan Persoalan Kajian  | 49             |
| Jadual 3.1 Korelasi antara Objektif Kajian dan Persoalan Kajian Dengan Kaedah Penyelidikan  | 145            |
| Jadual 4.1 Objektif Kajian Pertama dan Lima Persoalan Kajian  | 148            |
| Jadual 4.2 Penulisan dan Pengumpulan al-Qur'an dan Qiraat Pada Zaman Rasulullah SAW, Khalifah Abū Bakr Al-Šiddīq r.a., dan Khalifah 'Uthmān Bin 'Affān r.a. | 165            |
| Jadual 4.3 Jenis-Jenis Qiraat   | 179            |
| Jadual 5.1 Objektif Kedua dan Ketiga Serta Lima Persoalan Kajian  | 222            |
| Jadual 5.2 Kedudukan Pengkaji dan Informan Berdasarkan Ciri Islam   | 228            |
| Jadual 5.3 Analisis Ciri-Ciri Perawi Konsep Mutawatir dan Manfaat-Manfaatnya bagi Membina KPKKD dalam KPBI  | 245            |
| Jadual 5.4 Penggredan Data Berdasarkan Konsep Mutawatir   | 249            |
| Jadual 5.5 Rumusan Aplikasi Konsep Mutawatir Sebagai KPKKD dalam KPBI bagi Pengkaji, Informan, dan Data   | 255            |
| Jadual 5.6 Pembahagian Elemen Konsep Mutawatir Ketika Proses Pengumpulan dan Penganalisisan Data  | 257            |

## SENARAI RAJAH

|            | <b>Halaman</b>   |
|------------|--|
| Rajah 1.1  | Syarat-Syarat Qiraat <i>Mutawātirat</i> 40                           |
| Rajah 2.1  | Kerangka Konseptual Kajian 122                                       |
| Rajah 3.1  | Tiga Fasa dalam Kaedah Penyelidikan 132                              |
| Rajah 4.1  | Proses Periwayatan dan Pengesahan al-Qur'an dan Qiraat 168           |
| Rajah 4.2  | Syarat-Syarat Qiraat <i>Mutawātirat</i> 187                          |
| Rajah 4.3  | Ciri-Ciri Perawi 215   |
| Rajah 4.4  | Proses Pembinaan Konsep Mutawatir 220                                |
| Rajah 5.1  | Ringkasan Ciri Pertama Perawi: Islam 226                             |
| Rajah 5.2  | Ringkasan Ciri Kedua Perawi: Berakal 232                             |
| Rajah 5.3  | Ringkasan Ciri Ketiga Perawi: <i>Dābiṭ</i> 235                       |
| Rajah 5.4  | Ringkasan Ciri Keempat Perawi: Belajar dalam Tempoh yang Lama 237    |
| Rajah 5.5  | Ringkasan Ciri Kelima Perawi: Amanah 240                             |
| Rajah 5.6  | Ringkasan Ciri Keenam Perawi: Adil 242                               |
| Rajah 5.7  | Ringkasan Ciri Ketujuh Perawi: Diiktiraf Keilmuan 244                |
| Rajah 5.8  | Kelebihan Berbilang Perawi dalam Konsep Mutawatir 248                |
| Rajah 5.9  | Ringkasan Kaedah <i>Talaqqī</i> 253                                  |
| Rajah 5.10 | Kekuatan Konsep Mutawatir Sebagai KPKKD 264                          |
| Rajah 5.11 | Rumusan Keseluruhan Aplikasi Konsep Mutawatir Sebagai KPKKD KPBI 265 |

## SENARAI SINGKATAN

|       |   |
|-------|---|
| a.s.  | <i>'Alayh al-Salām</i>  |
| Bil   | Bilangan  |
| Dlm   | Dalam   |
| Ed.   | Seorang Editor  |
| Eds.  | Dua Orang Editor atau Lebih   |
| H     | Hijrah (tahun)  |
| hlm.  | Halaman   |
| ISDEV | <i>Centre for Islamic Development Management Studies</i><br>(Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam) |
| Jld.  | Jilid   |
| KPKKD | Kaedah Penentu Kesahan dan Kebolehpercayaan Data  |
| KPBI  | Kaedah Penyelidikan Berteraskan Islam   |
| KPL   | Kaedah Penyelidikan Lazim   |
| KUIN  | Kolej Universiti Insaniah   |
| M     | Masihi (tahun)  |
| No.   | Nombor  |
| PBI   | Pembangunan Berteraskan Islam   |
| PL    | Pembangunan Lazim   |
| r.a.  | <i>Radiy Allāh 'anh</i>   |
| r.ah  | <i>Radiy Allāh 'anhum ajma 'īn</i>  |
| r.h   | <i>Rahimah Allāh</i>  |
| Samb. | Sambungan   |
| SAW   | <i>Šallā Allāh 'alayh wa Sallam</i>   |
| SWT   | <i>Subḥānāh wa Ta 'ālā</i>  |

|         |  |
|---------|--|
| terj.   | Terjemahan                             |
| transl. | <i>Translation</i>                     |
| t.t.    | Tanpa Tahun                            |
| UIAM    | Universiti Islam Antarabangsa Malaysia |
| UM      | Universiti Malaya                      |
| USM     | Universiti Sains Malaysia              |
| Vol.    | Volume                                 |

## PANDUAN TRANSLITERASI

| HURUF RUMI | HURUF ARAB | HURUF RUMI | HURUF ARAB |
|------------|------------|------------|------------|
| ṭ          | ط          | -          | ا          |
| z          | ظ          | b          | ب          |
| '          | ع          | t          | ت          |
| gh         | غ          | th         | ث          |
| f          | ف          | j          | ج          |
| q          | ق          | ḥ          | ح          |
| k          | ك          | kh         | خ          |
| l          | ل          | d          | د          |
| m          | م          | dh         | ذ          |
| n          | ن          | r          | ر          |
| w          | و          | z          | ز          |
| h          | ه          | s          | س          |
| ,          | ء          | sy         | ش          |
| y          | ي          | ṣ          | ص          |
| ṭ          | ة          | ḍ          | ض          |

| PENDEK |   | PANJANG |   | DIFTONG |      |
|--------|---|---------|---|---------|------|
| a      | ـ | ـ       | ـ | ay      | أَيْ |
| i      | ـ | ـ       | ـ | aw      | أَوْ |
| u      | ـ | ـ       | ـ |         |      |

Sumber : *Pedoman Transliterasi Huruf Arab Ke Rumi*, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) (1992)

**APLIKASI KONSEP MUTAWATIR DALAM ILMU QIRAAT SEBAGAI  
KaedaH PENENTU KESAHAN DAN KEBOLEHPERCAYAAN DATA  
DALAM KaedaH PENYELIDIKAH BERTERASKAN ISLAM**

**ABSTRAK**

Terdapat beberapa kaedah dalam tradisi keilmuan Islam bagi memastikan kesahihan dan kebolehpercayaan maklumat, khususnya berkaitan ilmu wahyu. Antara kaedah tersebut ialah sanad mutawatir dalam ilmu qiraat. Sanad mutawatir merupakan salah satu daripada tiga syarat bagi qiraat *mutawātirat*. Namun begitu, timbul beberapa persoalan penting dalam kajian ini. Bolehkah sanad mutawatir dijadikan satu konsep kepada kaedah penentu kesahan dan kebolehpercayaan data (PKKKD) dalam penyelidikan yang berkaitan Islam dan orang Islam? Bagaimanakah PKKKD yang terdapat dalam ilmu qiraat iaitu sanad mutawatir sesuai digunakan dalam membina suatu kaedah penyelidikan berteraskan Islam (KPBI)? Berdasarkan persoalan tersebut, kajian ini bertujuan mencapai tiga objektif. Pertama, mengenal pasti sejarah ilmu qiraat. Kedua, menganalisis PKKKD berdasarkan konsep mutawatir. Ketiga, merumuskan aplikasi konsep mutawatir dalam KPBI. Bagi mencapai kesemua objektif ini, kajian dokumen yang berbentuk kualitatif asas ini menggunakan kaedah analisis kandungan. Kaedah analisis kandungan dilakukan bagi mengenal pasti, mengumpul dan menganalisis semua dokumen yang berkaitan ilmu qiraat khususnya sanad mutawatir. Hasil kajian mendapat terdapat tiga elemen utama bagi konsep mutawatir. Elemen-elemen tersebut ialah ciri-ciri perawi, bilangan perawi, dan kaedah *talaqqī*. Elemen-elemen tersebut dianalisis, dirumuskan, dan terhasil 33 manfaat. Kesemua elemen dan manfaat tersebut diaplikasikan terhadap pengkaji, informan, dan data. Berasaskan elemen dan manfaat konsep

mutawatir ini, KPKKD dalam KPBI dibina. Konsep ini menghasilkan tiga kekuatan iaitu *al-yaqīn* (keyakinan), *al-thiqāt* (kepercayaan), dan *al-jawdat* (kualiti) di samping matlamat utama adalah *mardāt Allah* SWT dan keberkatan-Nya. Selain tiga kekuatan tersebut, kajian ini mengetengahkan penggunaan ilmu tradisional Islam dalam KPBI. Malah, ilmu-ilmu tradisional Islam terbukti sebagai perintis dalam kaedah pengumpulan data sebagaimana yang ada dalam ilmu qiraat. Penggunaan konsep mutawatir pula dapat menentukan kesahan dan kebolehpercayaan data penyelidikan secara mendalam dan holistik.

**THE APPLICATION OF MUTAWATIR CONCEPT IN ‘ILM AL-QIRĀ’ĀT AS  
A DETERMINANT METHOD OF DATA VALIDITY AND RELIABILITY IN  
ISLAMIC-BASED RESEARCH METHODOLOGY**

**ABSTRACT**

There are a few methods in the Islamic research tradition to determine the validity and reliability of data, especially the research tradition that are related to revealed knowledge. One of the methods in the Islamic research tradition is *sanad mutawātir* in ‘ilm al-qirā’āt. *Sanad mutawātir* is one of the three pre-requisites of *qirā’āt mutawātirat*. However, few questions arise in this research. Would it be possible for *sanad mutawātir* to be applied as a concept in the method of determining the validity and reliability of data (KPKKD) in a research related to Islam and Muslims? How this method can be found in ‘ilm al-qirā’āt in which *sanad mutawātir* can be used in developing the Islamic-based research methodology (KPBI)? Based on this question, this research aims to achieve three objectives. First, to explore the history of ‘ilm al-qirā’āt. Second, to analyse KPKKD based on the *mutawātir* concept. Third, to summarise the use of *mutawātir* concept in KPBI. In order to achieve the objectives, this qualitative research exert content analysis method that is conducted to identify, to collect and to analyse all documents related to ‘ilm al-qirā’āt, especially *sanad mutawātir*. The study found that there are three main elements for the *mutawātir* concept which are characteristics of the narrator, the number of narrators and the *talaqqī* method. These elements are analysed, summarised, and finally generated 33 benefits. All these elements and benefits are applied to the researcher, informants and data. Based on these elements and benefits from the *mutawātir* concept, the KPKKD in KPBI is developed. This concept

produced three strengths namely *al-yaqīn* (confidence), *al-thiqat* (trust) and *al-jawdat* (quality) besides the main goal to achieve *mardāt* (pleasure) *Allāh SWT* and His blessings. In addition, this study highlighted the use of traditional Islamic knowledge in KPBI. In fact, traditional Islamic knowledge have proven to be the pioneer in the data collection method as existed in *'ilm al-qirā'āt*. The use of *mutawātir* concept can determine the validity and reliability of research data in depth and holistically.

## **BAB 1**

### **PENGENALAN**

#### **1.1 PENDAHULUAN**

Kajian ini umumnya bertujuan mengkaji konsep mutawatir dalam ilmu qiraat untuk diaplikasikan sebagai kaedah penentu kesahan dan kebolehpercayaan data (KPKKD) dalam kaedah penyelidikan berteraskan Islam (KPBI). Secara lebih khusus, kajian ini bertujuan mengenal pasti dan menganalisis kaedah yang digunakan oleh para ulama qiraat dalam menilai dan menentukan jenis serta martabat sesuatu qiraat itu sehinggalah sesuatu qiraat itu dapat diiktiraf sebagai qiraat *mutawātirat*. Penganalisisan yang dilakukan ini adalah untuk merumuskan aplikasi KPKKD dalam KPBI berdasarkan konsep mutawatir. Sebagai bab permulaan, bab ini mengandungi perbincangan tentang latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, definisi operasional, skop dan batasan kajian, kepentingan kajian, sumbangan kajian, dan organisasi tesis.

#### **1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN**

Mengetahui makna kaedah penyelidikan adalah penting dalam kajian ini kerana kajian ini membincangkan salah satu aspek dalam kaedah penyelidikan. Kaedah adalah cara dan pendekatan bagi memperoleh pengetahuan tentang realiti, manakala penyelidikan pula merupakan aktiviti yang teratur dan bersistem bagi mencari jawapan kepada persoalan-persoalan khusus yang dikemukakan tentang sesuatu

masalah yang hakikatnya (atau tabiinya) sudah dikenal pasti (Munawar Haque, 2010:36; Ahmad Mahdzan Ayyob, 2005:3).

Sementara itu, kaedah penyelidikan dalam Islam adalah berlandaskan tauhid yang terhasil melalui kepakaran dan ijтиhad para ulama dan ilmuwan Islam (Fatḥi Hasan Mālikāwiy, 2011:36&63). Berbeza dengan pandangan Barat, penyelidikan adalah berbentuk *human-oriented* (berorientasikan manusia) iaitu kejayaan dan kegagalan serta matlamat penyelidikan adalah semata-mata kerana usaha manusia. Dalam pada itu, penyelidikan dalam Islam pula adalah bersifat *god-oriented* iaitu penyelidikan tersebut dijalankan di bawah hukum Allah SWT dan berdasarkan tasawur Islam. Selain itu, penyelidikan dalam Islam hendaklah dimulakan dengan konteks falsafah Islam dan analisis yang sistematik. Dengan itu, sumber epistemologi Islam iaitu al-Qur'an dan al-Sunnah dapat difahami. Lebih penting lagi, dalam KPBI, keredhaan Allah SWT merupakan matlamat utama, namun ini tidak bermakna KPBI mengabaikan hal ehwal manusia (Ahmad Sunawari Long, 2011:12).

Selain itu, ketulenan dan kesahihan merupakan asas utama dalam epistemologi dan metodeologi ilmu. Walau bagaimanapun, penyelidikan Barat dipertikaikan kemampuannya dalam menghasilkan kajian yang berkualiti. Hal ini kerana sumber penyelidikan Barat adalah berasaskan fakta, data, hasil uji kaji, dan pemerhatian yang menggunakan akal dan pancaindera semata-mata, malahan tidak bergantung kepada wahyu sebagaimana yang dianjurkan Islam (Mohammad Mumtaz Ali, 2014:23; Sidek Baba, 2006:186). Oleh yang demikian, Mohammad Mumtaz Ali (2014:30) menegaskan bahawa perlu ada penggantian baru yang berasaskan kebenaran dan realiti bagi menggantikan asas pengetahuan sekular Barat yang

berdasarkan spekulasi dan tekaan. Hal ini perlu ditegaskan kerana kaedah kajian ilmiah yang diasaskan Barat ini adalah antara usaha untuk memisahkan akal dan hati daripada sebarang bentuk nilai yang bertunjangkan tauhid, moral, dan keimanan kepada Allah SWT (Anwar al-Jundiy, 1983: 12).

Tumpuan lebih khusus lagi dilakukan terhadap salah satu aspek penting dalam kaedah penyelidikan iaitu KPKKD. KPKKD bertujuan memastikan setiap kajian yang dilakukan adalah sah dan diyakini dapatannya. Tugas kesahan secara umumnya adalah melihat sejauh mana komponen-komponen penyelidikan itu berfungsi (Drost, 2011:114). Sementara itu, kebolehpercayaan secara teorinya didefinisikan sebagai tahap sesuatu ujian itu bebas daripada kesalahan pengukuran (Moss, 1994:6). Walau bagaimanapun, KPKKD dalam kaedah penyelidikan lazim (KPL) boleh dipertikaikan berikutan beberapa isu yang berlaku seperti berlaku plagiarisme, tidak amanah dalam melakukan kajian, dan sebagainya.

Selain perbincangan tentang KPL dan KPKKD lazim, latar belakang kajian juga akan membincangkan ilmu qiraat dan kaedah pensahihhan qiraat yang digunakan oleh ulama-ulama qiraat dalam mensahihkan sesuatu qiraat. Hal ini kerana, kaedah pensahihhan yang digunakan oleh ulama qiraat bagi mensahihkan sesuatu qiraat didapati boleh digunakan bagi membina teknik-teknik dalam kaedah penyelidikan yang berteraskan Islam khususnya bagi membentuk KPKKD yang berteraskan Islam. Pembentukan KPKKD yang berteraskan Islam ini penting bagi menghasilkan natijah serta dapatan yang diakui ketulenannya.

Oleh yang demikian, terdapat lima bahagian sub-topik yang akan dibincangkan iaitu pertama, KPKKD Lazim; Kedua, kritikan KPKKD lazim dari perspektif Islam; Ketiga, pembinaan KPBI; Keempat, sejarah ilmu qiraat; dan kelima, konsep mutawatir dalam ilmu qiraat.

### **1.2.1 KPKKD Lazim**

Dalam melakukan kajian, apabila pengkaji telah mempunyai permasalahan kajian dan hipotesis, pengkaji tersebut pasti perlu menghadapi masalah tentang susunan kajian dan bagaimana cara untuk mengukur pemboleh ubah dalam kajian tersebut. Seseorang pengkaji juga perlu mengemukakan bukti dan membina alat kajian atau instrumen bagi menyatakan ukuran tersebut adalah sah (*valid*) dan boleh dipercayai (*reliable*) (Piaw, 2006:207-208; Nachmias, 1992:147).

Kesahan dalam kaedah penyelidikan merujuk kepada perkara yang harus ada pada sesuatu alat ukuran atau perkara yang harus diukur. Kesahan perlu selari dengan kesesuaian antara definisi operasional dengan konsep yang ingin diukur (Rozmi Ismail, 2015:84; Piaw, 2006:212). Kesahan juga merujuk kepada sejauh mana langkah empirikal secukupnya mencerminkan maksud sebenar konsep yang dipertimbangkan (Babbie, 2007:146). Selain itu, kesahan juga didefinisikan sebagai nilai korelasi antara pengukuran dengan nilai sebenar sesuatu pemboleh ubah. Jika pengukuran yang dibuat tepat pada nilai sebenar sesuatu variabel, nilai korelasinya adalah tinggi dan penyelidikan tersebut mempunyai kesahan yang tinggi. Kesahan dikatakan tinggi jika instrumen yang dibina benar-benar mengukur konsep yang dinyatakan dalam hipotesis. Namun begitu, masih tiada cara yang tepat dan mudah

untuk menentukan kesahihan ukuran sesuatu kajian penyelidikan masa ini (Sullivan & Feldman, 1979:17).

Kesahan juga merangkumi seluruh konsep eksperimen dan ia menentukan sama ada keputusan yang diperoleh memenuhi segala kehendak kaedah sesuatu penyelidikan tersebut (Shuttleworth, 2008). Dalam menjalankan sesuatu kajian ilmiah, seseorang pengkaji perlu melihat kepada kedua-dua sudut iaitu sudut orang sekeliling dan sudut subjek itu sendiri sebagai sumber dan ukuran dalam konsep kajian (Babbie, 2007:148). Kadang-kadang sudut pertama lebih memberi manfaat, dan kadang-kadang sudut kedua lebih memberi manfaat. Namun begitu, kedua-dua sudut tersebut tidak boleh diendahkan dalam kajian. Kesahan dilaksanakan bagi mempertimbangkan ukuran yang sesuai diambil (Hammond & Wallington, 2013:150). Fungsi kesahan dalam sesuatu kajian boleh diumpamakan seperti tembakan ke arah sekeliling papan sasaran. Hal ini kerana, jika gagal menentukan kesahan bagi sesuatu kajian, maka kajian tersebut akan tersasar daripada tujuan utamanya (Babbie, 2007:147).

Dalam pada itu, kebolehpercayaan pula merujuk kepada sejauh mana petunjuk empirikal mengandungi pengukuran rawak yang ralat (Sullivan & Feldman, 1979:16). Kebolehpercayaan juga memberi maksud sejauh mana kajian tersebut boleh ditiru dengan menggunakan kaedah yang sama dan mendapat hasil yang sama (Clonts, 1992:4). Selain itu, kebolehpercayaan dalam suatu penyelidikan pula ialah keupayaan suatu kajian memperoleh nilai yang serupa apabila pengukuran yang sama diulangi. Jika diulangi pengukuran tersebut beberapa kali dan mendapat hasil yang sama, maka kajian tersebut dikatakan mempunyai kebolehpercayaan yang

tinggi (Piaw, 2006:216).

Seterusnya, kebolehpercayaan juga boleh merujuk kepada tahap konsistensi dengan contoh yang diletakkan dalam kategori yang sama oleh pemerhati yang berbeza atau oleh pemerhati sama dalam keadaan yang berbeza (Mohammed Ali Bapir, 2010:14; Hammersley, 1992:67). Umumnya, maksud kebolehpercayaan itu sendiri ialah tahap konsistensi dalam kajian pengkaji, manakala kesahan pula melibatkan sejauh mana pengukuran kajian dapat diukur oleh pengkaji (Wagner, Kawulich & Garner, 2012:80).

Masalah kesahan (*validity*) data boleh berlaku dalam kajian sains sosial kerana ukuran yang terdapat pada kajian sains sosial adalah berbentuk tidak langsung (*indirect*) serta berbentuk *intangible* (perkara sukar ditafsirkan secara zahir), selain melibatkan konsep-konsep yang abstrak (perkara yang tidak boleh dilihat dan disentuh secara fizikal) (Nachmias, 1992:158; Wagner, Kawulich & Garner, 2012:80; Piaw, 2006:207-208). Walau bagaimanapun, kebolehpercayaan data adalah lebih banyak dikritik berbanding kesahan dalam kajian kualitatif (Clonts, 1992:1).

Kebolehpercayaan (*reliability*) merupakan isu asas dalam penyelidikan sosial. Walau bagaimanapun, Babbie (2007:46) berpendapat isu yang timbul ialah jika dihitung keseluruhan kebolehpercayaan dalam kajian, ia tetap tidak dapat menentukan secara pasti bahawa ukuran yang diukur menepati perkara yang dikehendaki pengkaji. Selain itu, punca masalah kebolehpercayaan biasanya daripada kekaburuan makna perkataan, definisi kategori, atau kaedah-kaedah pengekodan (Stemler, 2001:5).

Kebiasaannya, kaedah bagi menentukan kesahan dan kebolehpercayaan data banyak

dilakukan dalam penyelidikan kuantitatif kerana item-item dalam penyelidikan kuantitatif mudah diukur dan mampu mendapat data yang tepat mengikut ukuran yang telah mereka tetapkan. Berbeza dengan penyelidikan kualitatif, penyelidikan kualitatif pula agak sukar diukur dengan sebab-sebab yang telah dijelaskan sebelum ini. Antara sebab tersebut ialah penyelidikan kualitatif melibatkan kajian tentang perkara-perkara yang sukar diukur seperti perkara yang melibatkan emosi dan perkara yang tidak boleh dilihat dan disentuh secara fizikal (*intangible construct*). Dalam pada itu, mengukur kebolehpercayaan dalam penyelidikan kualitatif merupakan perkara yang agak rumit kerana kajian sebegini tidak diketahui secara pasti ketepatan pengukuran kajian tersebut (Wagner, Kawulich & Garner, 2012:80).

Bagi menghasilkan kajian yang berkredibiliti, ia memerlukan kebijaksanaan dan pemerhatian yang tepat daripada pengkaji (Piaw, 2006:215-218). Perbincangan ini tertumpu kepada penyelidikan kualitatif kerana ada yang berpendapat bahawa penyelidikan kualitatif tidak dapat disahkan dan diberi kebolehpercayaan sebagaimana yang terdapat pada penyelidikan kuantitatif (Mohammed Ali Bapir, 2010:5). Namun sebagai sebuah penyelidikan sosial, penyelidikan kualitatif mempunyai rangka kerja yang tersendiri bagi pengumpulan data dan analisis serta menyediakan beberapa teknik dalam mengumpul data (Mohammed Ali Bapir, 2010:7; Neuman, 2007; Bryman, 2008).

Kebanyakan pengkaji yang menjalankan penyelidikan kualitatif menerima prinsip kesahan dan kebolehpercayaan, tetapi istilah tersebut jarang digunakan kerana ia sangat berkait rapat dengan pengukuran dalam penyelidikan kuantitatif (Mohammed Ali Bapir, 2010:9; Neuman, 2007:184). Jika dilihat dalam penyelidikan kuantitatif,

kesahan dan kebolehpercayaan ialah dua perkara yang terpisah. Walau bagaimanapun, dalam penyelidikan kualitatif, kesahan dan kebolehpercayaan merupakan terma yang digunakan secara sekali gus (Golafshani, 2003:600).

Selain itu, terdapat pelbagai bentuk ukuran bagi kesahan data kualitatif dalam KPL. Bentuk-bentuk ukuran kesahan tersebut adalah seperti mengadakan bancian, temu duga, pemerhatian dan lain-lain lagi. Ukuran-ukuran sebegini agak sukar dilaksanakan kerana kebiasaannya perkara-perkara sebegini tidak dapat diukur dengan tepat sebagaimana yang diinginkan (Wagner, Kawulich & Garner, 2012:80). Di samping itu, bagi memastikan kebolehpercayaan dalam kajian kualitatif, pemeriksaan kebolehpercayaan (*trustworthiness*) adalah amat penting (Golafshani, 2003:601).

Selain itu, konsep kesahan digambarkan dengan pelbagai istilah dalam kajian kualitatif. Menurut Golafshani (2003:602), ramai pengkaji seperti Davies dan Dodd, Lincoln dan Guba, Mishler, Seal, dan Stenbacka telah membangunkan konsep kesahan mereka tersendiri. Mereka membina dan mengamalkan perkara yang mereka anggap sebagai istilah yang lebih sesuai untuk digunakan seperti kualiti (*quality*), kerapian (*rigor*), dan amanah (*trustworthiness*).

Hal ini kerana para pengkaji bergantung pada nilai kesahan dan kebolehpercayaan data untuk menilai kualiti kaedah penentuan kajian mereka. Pengenalpastian kesahan dan kebolehpercayaan terhadap ukuran yang digunakan ketika fasa pengumpulan data penyelidikan akan membantu pengkaji dalam memastikan kualiti keseluruhan proses penyelidikan dan hasilnya. Walaupun kesahan dan kebolehpercayaan

merupakan dua konsep yang berbeza, namun pengukuran alat yang digunakan dalam kajian adalah perlu sah dan boleh percaya (Wagner, Kawulich & Garner, 2012:80).

Setelah penerangan yang terperinci tentang KPKKD dalam KPL, jenis-jenis KPKKD pula perlu dijelaskan. Menurut Decrop (1999:158), Lincoln dan Guba telah membangunkan empat kriteria untuk kaedah kualitatif. Empat kriteria tersebut ialah kesahan dalaman (*internal validity*), kesahan luaran (*external validity*), kebolehpercayaan (*reliability*), dan objektiviti (*objectivity*). Selain empat kriteria ini, terdapat pembahagian lain terhadap kriteria bagi kaedah kesahan data. Kriteria-kriteria tersebut adalah seperti kesahan kandungan, kesahan kriteria, dan kesahan binaan (Carmines & Zeller, 1979, 26-27).

Di samping itu, kaedah triangulasi juga merupakan salah satu prosedur bagi mengetahui kesahan (*validity*) sesuatu data kajian. Cara kaedah triangulasi ini ialah pengkaji perlu mencari titik tumpu antara sumber yang pelbagai dan maklumat yang berbeza bagi tujuan membentuk tema atau kategori dalam kajian (Creswell & Miller, 2000:126). Selain lima kaedah yang disebutkan tadi, terdapat beberapa lagi KPKKD penyelidikan lazim yang digunakan. Antara kaedah tersebut adalah seperti kaedah temu bual pakar dan kaedah pemeriksaan rakan sebaya.

Berdasarkan rumusan daripada kajian Nor Hanani Ismail (2015), sebanyak enam kaedah penentu kesahan data lazim telah dirungkaikan iaitu kaedah pakar rujuk, kaedah kesahan ramalan dan kesahan persetujuan, kaedah berlandaskan teori, kaedah triangulasi, kaedah penjelasan yang bertentangan, dan kaedah pengukuran secara empirikal. Kajian yang dilakukan oleh penyelidik hampir menyamai kajian Nor

Hanani Ismail (2015), walau bagaimanapun, penyelidik memilih KPKKD lazim yang tertentu sahaja<sup>1</sup>. Pemilihan ini dilakukan bagi mengkhususkan hal-hal yang mempunyai kaitan dengan kajian ini sahaja bersesuaian dengan objektif dan permasalahan kajian.

Tambahan pula, umum mengetahui bahawa kajian dalam sains sosial sering berlaku masalah dalam mengukur kesahan data kerana kajian sains sosial berbentuk tidak secara langsung dan melibatkan perkara-perkara yang sukar dijelaskan secara zahir (Nachmias, 1992:158). Di samping itu, kebolehpercayaan data juga banyak dikritik dalam kajian sains sosial yang bersifat kualitatif (Clonts, 1992:1). Dalam pada itu, KPKKD lazim yang dipilih ini merupakan KPKKD yang ada hubung kait ciri-cirinya dengan elemen-elemen konsep mutawatir yang akan dikaji. Kaedah-kaedah penentu kesahan dan kebolehpercayaan data yang dipilih tersebut ialah enam kaedah yang meliputi kaedah triangulasi, kaedah kesahan luaran, kaedah kesahan dalaman, objektiviti, kaedah temu bual pakar, dan kaedah pemeriksaan rakan sebaya. Berikut merupakan penjelasan terhadap kaedah-kaedah tersebut.

### **1.2.1(a) Kaedah Triangulasi**

Kaedah triangulasi ialah satu prosedur kesahan dengan cara pengkaji mencari titik tumpu antara sumber yang pelbagai dan maklumat yang berbeza bagi membentuk tema atau kategori dalam kajian. Bagi menentukan kesahan data, kaedah triangulasi merupakan satu langkah yang perlu diambil oleh pengkaji dengan hanya menggunakan kanta pengkaji sendiri. Kaedah triangulasi adalah satu proses yang

---

<sup>1</sup> Perbincangan terperinci tentang perbezaan kajian ini dengan kajian-kajian KPKKD yang lain ada dalam Bab 5, sub-topik 5.5.

sistematik dalam mengasingkan data untuk mencari tema atau kategori yang sama dengan cara menghapuskan kawasan bertindih (Creswell & Miller, 2000:126-127). Selain itu, cara kaedah triangulasi adalah dengan menggunakan pelbagai sumber untuk membandingkan dan mengulang semak tahap keyakinan terhadap maklumat yang diperoleh melalui masa dan alat yang berbeza dalam penyelidikan kualitatif. Kaedah triangulasi juga bermaksud membandingkan pelbagai jenis kuantitatif data dan jenis kualitatif dan berbeza kaedah (pemerhatian dan temu bual) untuk melihat sama ada data-data tersebut menyokong satu sama lain (Mohammed Ali Bapir, 2010:10; Decrop, 1999:158).

Kaedah triangulasi merupakan satu strategi yang kuat dalam meningkatkan kualiti penyelidikan terutamanya dalam kredibiliti (Krefting, 1991:219). Kaedah triangulasi dilaksanakan dengan menggunakan beberapa cara seperti menggunakan beberapa orang pengkaji berlainan. Sebagai contoh, dalam kaedah temu bual, beberapa orang penemubual digunakan untuk menyoal soalan yang sama pada ruang masa yang berlainan. Selain itu, kaedah triangulasi juga dilaksanakan dengan melakukan kajian pada masa-masa yang berlainan dan di tempat-tempat yang berlainan (Piaw, 2006:218). Di samping itu, kaedah triangulasi digunakan dalam menganalisis data dari pelbagai sudut pandang teori. Ia juga boleh digunakan bagi membandingkan antara dapatan kajian dengan dapatan-dapatan kajian yang lain (Hammond & Wallington, 2013:145).

Menurut Denzin (Creswell & Miller, 2000:126-127; Wagner, Kawulich, & Garner, 2012:162-163) terdapat beberapa jenis triangulasi iaitu kaedah menyilang sumber data, kaedah triangulasi antara teori, kaedah triangulasi antara kaedah (metode),

kaedah menyelidik pengkaji-pengkaji yang berbeza (Krefting, 1991:219), kaedah triangulasi masa yang menggabungkan reka bentuk kajian keratan rentas dan membujur, dan kaedah triangulasi masa yang menggunakan teknik silang budaya (Decrop, 1999:159-160). Kaedah triangulasi ini juga biasanya digunakan meningkatkan kesahan dan kebolehpercayaan penyelidikan atau nilai dapatan kajian. Walau bagaimanapun, kaedah triangulasi boleh mengandungi pelbagai kaedah dalam mengumpul data dan menganalisis data. Namun begitu, tidak semua kaedah sesuai digunakan dalam semua kajian. Kaedah-kaedah triangulasi ini perlu dipilih bagi menguji kesahan dan kebolehpercayaan dalam kajian bergantung pada kriteria kajian tersebut (Golafshani, 2003:603-604).

### **1.2.1(b) Kaedah Kesahan Luaran (*External Validity*)**

Kaedah kesahan luaran bermaksud sejauh mana hasil kajian dapat diaplikasikan kepada kumpulan-kumpulan lain dalam dunia sebenar (Piaw, 2006:214). Selain itu, ia juga merujuk kepada sejauh mana dapatan dalam satu kajian itu boleh digeneralisasikan kepada konteks yang lain. Di samping itu, kaedah kesahan luaran ini melibatkan kebolehterimaan keputusan dalam konteks yang besar. Sekiranya berkesan, ia dicirikan sebagai kaedah kesahan luaran yang baik (Rozmi Ismail, 2015:85; Hammond & Wellington, 2013:151).

Kaedah kesahan luaran ini boleh menimbulkan persoalan tentang bagaimana sesuatu penemuan penyelidikan itu boleh disesuaikan dengan sesuatu tetapan atau kumpulan (Decrop, 1999:158). Ia juga dimaksimumkan dengan mempunyai beberapa kriteria pengecualian dan dengan membenarkan fleksibiliti campur tangan dalam membuat

keputusan (Godwin, Ruhland, Casson, MacDonald, Delva, Birtwhistle, Lam, & Seguin, 2003).

### **1.2.1(c) Kaedah Kesahan Dalaman (*Internal Validity*)**

Kaedah kesahan dalaman bermaksud sejauh mana sesuatu kajian itu menunjukkan perubahan tingkah laku subjek kajian dan bukan disebabkan faktor-faktor lain (Piaw, 2006:214). Kaedah kesahan dalaman juga merujuk kepada kesahan keputusan ujian yang tidak dipengaruhi oleh unsur-unsur lain kecuali sebab itu sahaja. Sesuatu kajian akan mempunyai kesahan dalaman yang tinggi jika pengkaji dapat membuktikan bahawa pemboleh ubah bebas mempengaruhi pemboleh ubah bersandar, dan tiada pemboleh ubah lain yang boleh mempengaruhi keputusan (Rozmi Ismail, 2015:85). Selain itu, kaedah kesahan dalaman juga memberi maksud kredibiliti iaitu kebolehpercayaan dan kaedah kesahan dalaman ini membawa kepada persoalan “bagaimanakah kebenaran dalam sesuatu penemuan?” (Decrop, 1999:158).

Clonts (1992:1) berpendapat bahawa kaedah kebolehpercayaan dan kesahan dalaman mempunyai hubungan yang rapat kerana kedua-duanya melibatkan huraian fenomena pemerhatian dalam kajian yang sama. Kredibiliti atau kesahan dalaman ini juga disokong apabila temu bual atau pemerhatian adalah konsisten secara dalaman, iaitu apabila terdapat rasional yang logik mengenai topik yang sama dalam satu temu bual atau pemerhatian (Krefting, 1991:220).

### **1.2.1(d) Objektiviti**

Objektiviti merupakan sebuah konsep yang mengandungi akar falsafah yang sangat dalam. Hal ini kerana ia berkaitan dengan persoalan ontologi tentang apa yang benar dan persoalan epistemologi tentang bagaimana orang tahu bahawa ia adalah benar (Tandoc & Thomas, 2017:34). Selain itu, komponen objektiviti pula terdiri daripada fakta, keadilan, tidak berat sebelah, ketepatan, kebolehpercayaan, pemisahan fakta daripada pendapat dan tafsiran, kesaksamaan, kebebasan, tidak tafsiran, dan pelepasan (Ward, 2015; McQuail, 2013).

Persoalan yang timbul bagi mengesahkan sesuatu kajian dengan menggunakan objektiviti ialah bagaimanakah sesuatu penemuan kajian itu didapati berkecuali (iaitu tidak berat sebelah) (Decrop, 1999:158). Objektiviti dijalankan bagi meningkatkan nilai hasil dengan mengurangkan jarak antara pengkaji dan data. Sebagai contoh, mengadakan hubungan yang berpanjangan dengan memberi maklumat ataupun melakukan pemerhatian dalam tempoh yang panjang (Krefting, 1991:217). Objektiviti ini memerlukan pengkaji melihat kajiannya dan kaedah penyelidikan yang digunakan tidak dipengaruhi oleh boleh ubah-boleh ubah yang tidak berkaitan seperti pandangan peribadi dan kecenderungan (*bias*) (Khalif Muammar A. Harris & Adibah Mukhtar, 2008).

### **1.2.1(e) Kaedah Temu Bual Pakar**

Kaedah temu bual pakar merupakan satu kaedah pengumpulan data yang menarik kerana ia membolehkan pengkaji merapatkan jurang antara kajian kes dan data

(Dorussen, Lenz, Hartmut, & Blavoukos, 2005:316-317). Pada dasarnya, kaedah temu bual pakar boleh digunakan untuk mengumpul data yang berkualiti tinggi sekiranya pakar tersebut sanggup memberi kerjasama yang baik (Dorussen, Lenz, Hartmut, & Blavoukos, 2005:334).

Kaedah temu bual pakar merupakan kaedah temu bual yang bersifat semi-standard dengan orang yang dikenali. Kaedah temu bual pakar digunakan bagi memahami maklumat yang dimaksudkan pakar dalam sesuatu kajian. Selain itu, kaedah ini dijalankan kerana terdapat isu-isu dalam amalan penyelidikan. Isu-isu ini adalah seperti sekatan akses kepada maklumat yang dikehendaki dan jugakekangan masa (Littig & Pöchhacker, 2014:1088). Kaedah temu bual pakar yang produktif boleh dicapai melalui pengetahuan sedia ada terhadap bidang yang dikaji (Pfadenhauer, 2009). Perkara yang membuatkan pakar-pakar ini begitu menarik dalam kalangan pengkaji-pengkaji sains sosial ialah pengetahuan mereka yang khusus berdasarkan pengalaman dan aktiviti profesional mereka.

### **1.2.1(f) Kaedah Pemeriksaan Rakan Sebaya**

Pemeriksaan daripada rakan merupakan kaedah penting bagi menghasilkan kredibiliti dalam kajian. Prosedur ini dilakukan dengan mengambil data dan menginterpretasikan semula data tersebut kepada informan dalam kajian. Hal ini dilakukan supaya kredibiliti maklumat kajian dapat disahkan. Melalui proses ini, pengkaji akan bertanya kepada informan tentang tema atau kategori yang dibuat itu menepati kehendak kajian ataupun tidak. Kesahan dan kebolehpercayaan kajian boleh diperoleh dengan membandingkan data kajian daripada pengkaji dan pendapat

rakan sebaya terhadap subjek yang dijalankan (Piaw, 2006:218). Dengan kaedah pemeriksaan rakan sebaya, prosedur kesahan data kajian boleh beralih daripada pengkaji kepada peserta dalam kajian tersebut. Tambahan pula, kaedah pemeriksaan rakan sebaya merupakan teknik yang paling penting untuk mewujudkan kredibiliti dalam kajian (Lincoln & Guba, 1985). Sepanjang proses ini, pengkaji perlu bertanya kepada peserta iaitu rakan sebaya tentang tema kajian yang dijalankan adakah secara umumnya bersifat realistik dan tepat (Creswell & Miller, 2000:127).

Kaedah pemeriksaan rakan sebaya juga dilaksanakan dengan cara pengkaji melihat subjek ditemu duga bagi mengesahkan data yang telah dikumpul, seterusnya mengkategorikan analisis-analisis tersebut, membuat pentafsiran, dan akhirnya kesimpulan. Kaedah pemeriksaan daripada rakan sebaya merupakan teknik pengesahan data yang perlu dilakukan secara berterusan (Lincoln & Guba, 1985; Krefting, 1991:219).

Walaupun kaedah pemeriksaan rakan sebaya ini boleh meningkatkan kredibiliti, namun aspek etika harus dipertimbangkan ketika melaksanakannya. Pengkaji perlu menjadi selektif terhadap informan yang terlibat dalam pemeriksaan rakan sebaya. Orang yang terlibat dalam kaedah pemeriksaan rakan sebaya ini perlu dipilih dengan berhati-hati bagi memastikan bahawa dia tidak merosakkan data yang diberi. Selain itu, masalah yang dihadapi dengan teknik ini ialah informan mungkin sudah mempunyai kecenderungan menghayati maklumat dibaca. Perkara ini boleh menjelaskan tindak balas mereka yang berikutnya (Krefting, 1991:219).

### **1.2.2 Kritikan Terhadap KPKKD Lazim dari Perspektif Islam**

Sebagaimana yang dijelaskan sebelum ini, KPL sudah mempunyai kaedah-kaedah tersendiri dalam menentukan kesahan dan kebolehpercayaan sesuatu data. Antaranya ialah kaedah triangulasi (Decrop, 1999; Creswell & Miller, 2000; Hammond & Wellington, 2013), kaedah kesahan kandungan, kaedah kesahan konstruk (Cronbach & Meehl, 1955), kaedah kesahan luaran, kaedah kesahan dalaman (Mohammed Ali Bapir, 2010), objektiviti (Tandoc & Thomas, 2017), kaedah temu bual pakar (Pfadenhauer, 2009), dan kaedah pemeriksaan rakan sebaya (Creswell & Miller, 2000).

Jika dilihat pada awal sejarah tamadun Islam, pencarian ilmu pengetahuan dan penggunaan teknik penyelidikan untuk mendapatkan natijah yang sesuai adalah amat penting. Perkara ini boleh dilihat tugas utama yang pertama selepas kewafatan Rasulullah SAW iaitu penyusunan dan pengumpulan al-Qur'an. Proses ini telah dijalankan oleh Sayidina Zayd Ibn Thabit r.a. Sayidina Zayd Ibn Thabit r.a telah menggunakan kaedah pengumpulan dan pengesahan data yang paling teliti berdasarkan kesesuaian pada masa tersebut untuk memastikan kesahihan pengumpulan dan penyusunan al-Qur'an. Ketelitian yang sama digunakan oleh para sarjana Muslim ketika pengumpulan Hadith. Teknik yang sama inilah yang digunakan oleh ilmuwan Islam dalam semua penyelidikan (Munawar Haque, 2010:47).

Oleh yang demikian, didapati bahawa KPKKD mengikut istilah yang digunakan masa ini sudah digunakan sejak lama dahulu dalam Islam. Oleh itu, sepatutnya

pengkaji Muslim perlu mengutamakan kaedah yang terdapat dalam Islam berbanding kaedah lazim. Penggunaan kaedah yang terdapat dalam Islam ketika menjalankan kajian yang berkaitan Islam dan orang Islam akan lebih meyakinkan pengkaji dan pembaca. Hal ini kerana kaedah tersebut bersumberkan sumber yang diyakini oleh umat Islam iaitu al-Qur'an dan al-Sunnah yang merupakan sumber autentik dalam Islam.

Walaupun falsafah KPL dilihat tidak begitu menepati ajaran Islam kerana berfahaman kebendaan dan mengingkari aspek kerohanian (Anwar al-Jundiy, 2001:125), namun tidak dinafikan bahawa kaedah teknikalnya tidak bercanggah dengan Islam. Walaupun begitu, KPKKD lazim masih lagi tidak dapat memenuhi kehendak Islam kerana tiada nilai kerohanian serta agama dalamnya (Muhammad Syukri Salleh, 2010:136-139). Hal ini akan menyebabkan pengkaji yang menggunakan KPKKD lazim hanya menumpukan kepada dapatan secara lahiriah sahaja.

Oleh yang demikian, didapati timbul pelbagai isu dalam penyelidikan seperti isu plagiarisme, isu tidak amanah ketika menjalankan kajian, dan isu-isu lain yang berkaitan. Sebagai contoh penyelewengan dan salah laku yang dilakukan oleh salah seorang bekas profesor iaitu Hwang Woo-suk di Korea Selatan berkenaan kajian tentang pengklonan binatang dan manusia (Van der Heyden, Van de Derks Ven et al., 2009). Contoh salah laku yang berlaku di Malaysia pula ialah isu plagiat yang dilakukan oleh salah seorang pensyarah di sebuah universiti tempatan (Abdul Mursyid Zainuddin, 2017).

Selain itu, kajian daripada *The Panel on Responsible Conduct of Research* yang berpusat di Kanada mendapati bahawa dalam tahun kewangan 2014/15, panel telah meneliti 89 buah fail kajian. Berdasarkan kajian tersebut didapati 42 buah fail ditutup kerana 14 buah fail terlibat dalam pelanggaran dasar etika penyelidikan *Tri-Council* (termasuk tujuh buah fail yang mempunyai plagiarisme) dan 28 buah fail tidak dijelaskan. Pelanggaran dasar etika itu melibatkan isu plagiarisme, pemalsuan data, pelanggaran garis panduan agensi, salah urus dana agensi dan lain-lain lagi (Eggertson, 2015).

Di samping itu, isu dalam kesahan dan kebolehpercayaan data penyelidikan secara khusus juga banyak diperbincangkan. Antaranya adalah seperti yang dikemukakan oleh Noble dan Smith (2015) yang mempersoalkan kualiti dalam penyelidikan serta mencadangkan beberapa garis panduan bagi menghasilkan integriti dan kredibiliti ketika kajian dijalankan. Apabila persoalan tentang integriti, kredibiliti, dan juga konsistensi dalam kajian timbul, ini menandakan bahawa kaedah kesahan dan kebolehpercayaan data yang digunakan masa ini masih mempunyai kekurangan dan perlu kepada penambahbaikan atau pembinaan kaedah baru yang lebih baik.

Berdasarkan contoh-contoh salah laku yang berlaku dalam kajian yang menggunakan KPL tersebut, didapati KPKKD lazim tidak mampu untuk menahan perbuatan itu daripada berlaku. Salah laku-salah laku yang terhasil daripada sikap tidak amanah seseorang pengkaji, tidak jujur dengan kajian yang dijalankan, tidak mempunyai sifat adil serta sifat-sifat mahmudah lain yang ditekankan dalam Islam menghasilkan kajian-kajian yang terdedah kepada salah laku-salah laku tersebut.

Oleh yang demikian, keperluan dalam pembinaan KPKKD yang berteraskan Islam sangat penting bagi mencegah berlaku salah laku dan penyelewengan dalam kajian terutama apabila kajian tersebut berkaitan dengan Islam dan orang Islam. Hal ini kerana KPKKD penyelidikan berteraskan Islam berasaskan sumber utama Islam iaitu al-Qur'an dan al-Sunnah di samping garis panduan yang diletakkan oleh ulama-ulama yang berautoriti.

### **1.2.3 Pembinaan KPBI**

Berdasarkan penjelasan dalam sub-topik yang lepas, kepincangan dan salah laku dalam kajian penyelidikan adalah wujud dan berlaku. Oleh sebab itu, timbul kesedaran dalam kalangan ilmuwan-ilmuwan Islam bagi membina satu kaedah penyelidikan yang boleh menghindari kepincangan-kepincangan tersebut bahkan selari dengan ajaran Islam. Oleh yang demikian, perbincangan dalam sub-topik ini adalah berkaitan sejarah pembentukan dan pembinaan KPBI. Selain itu, falsafah penyelidikan Islam juga dibincangkan bagi memberi gambaran yang lebih jelas tentang KPKKD yang dibina.

Pengertian falsafah menurut Anwar al-Jundiy (2001:122-123) ialah bayangan atau gambaran yang berpunca daripada akal dan hawa nafsu. Gambaran tersebut pula kadangkala salah dan ada masanya betul. Selain itu, memahami falsafah Islam adalah amat penting supaya dalam mempelajari ilmu-ilmu Barat, pengkaji tidak lupa dengan sejarah dan tamadun sendiri. Menghargai tamadun sendiri menjadikan seseorang itu yakin bahawa tradisi sains Islam sentiasa menghubungkan diri pengkaji dengan nilai dan agama (Sidek Baba, 2006).

Falsafah Islam pula adalah bersumberkan al-Qur'an dan al-Sunnah yang berkisar dalam lingkungan tauhid semenjak 14 kurun yang lampau. Ia juga telah memperkenalkan gambaran yang berbeza sama sekali daripada gambaran kebendaan masyarakat Barat. Pada pandangan Islam, manusia ialah makhluk yang paling mulia dan menjadi khalifah di muka bumi serta dikurniakan akal fikiran bagi mentadbir muka bumi dan untuk melaksanakan tanggungjawabnya serta berakhlek mulia (Anwar al-Jundiy, 2001:124). Allah SWT berfirman yang bermaksud:

“.....Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di bumi”....” (*Al-Baqarat*, 2:30)

Agama Islam pula pada asasnya merupakan agama ilmu. Ajaran Islam meyakinkan penganutnya bahawa ilmu pengetahuan merupakan pusat bagi keselamatan jiwa, pencapaian kebahagiaan manusia, dan kemakmuran dalam kehidupan dunia dan akhirat (Osman Bakar, 1991:1). Tambahan pula, jika diteliti sejarah kaedah penyelidikan dan pembinaan ilmu-ilmu tradisional Islam, ulama-ulama Islam terdahulu didapati telah mempunyai kaedah penyelidikan tersendiri. Kaedah ini lebih awal ditemui berbanding Francis Bacon yang mengemukakan kaedahnya pada abad ke-16 Masihi. Kajian penyelidikan ilmiah yang sistematik ini serta prinsip-prinsipnya telah dikemukakan oleh Ibn al-Haytham, Ibn al-Rusyd, Ibn al-Hazm, dan al-Jāhīz (Anwar al-Jundiy, 1983:158).

Pemikiran Islam telah memberikan saham berupa kaedah penyelidikan ilmiah dalam bidang ilmu pengetahuan dan falsafah. Sebagai contoh prinsip-prinsip kajian ilmiah yang dibina oleh salah seorang tokoh ilmuwan Islam iaitu Ibn al-Rusyd. Ibn al-Rusyd telah meletakkan dasar prinsip-prinsip pengkajian ilmiah yang bersistem (mempunyai metode tertentu) dan dengan itu beliau telah mendahului Barat untuk

masa-masa yang cukup jauh. Selain itu, Ibn al-Haytham pula diakui sebagai orang pertama yang merintis kaedah penyelidikan ilmiah dalam kalangan pemikir Islam yang jauh mendahului kaedah penyelidikan Barat (Anwar al-Jundiy, 1983:120-136).

Jika dilihat pada sejarah Islam sebelum zaman tokoh-tokoh tersebut pula, tokoh-tokoh ilmuwan Islam seperti Imam Malik r.h., Imam Abu Hanifah r.h., dan Imam Syafie r.h., masing-masing telah mempunyai kaedah tersendiri dalam menyampaikan ilmu. Bahkan kitab Imam Syafie iaitu “*al-Risālat*” yang merupakan asas kepada ilmu usul al-fikah dianggap kitab yang mempunyai kaedah penyelidikan yang hebat pada masa itu, malahan kitab tersebut masih menjadi antara rujukan utama dalam bidang usul al-fikah (Fathī Ḥasan Mālikāwiy, 2011:148-149).

Selain itu, perkara yang perlu dijadikan asas dalam metafizik, epistemologi, metodeologi, pengetahuan, dan pendidikan ialah pengetahuan yang benar, sahih, dan universal (ilmu wahyu) dan bukannya berasaskan spekulasi dan andaian semata-mata. Spekulasi dan andaian inilah yang wujud dalam penyelidikan Barat. Sedangkan penyelidikan dan pendidikan yang berdasarkan spekulasi dan andaian ini merupakan penafian secara terang-terangan terhadap kebenaran serta membawa kepada kekeliruan (Mohammad Mumtaz Ali, 2014:59).

Tambahan pula, dalam tempoh zaman pertengahan, pengkaji-pengkaji Muslim ketika membangunkan pelbagai ilmu pengetahuan, mereka mengeluarkan tafsiran daripada kitab-kitab suci berdasarkan pemerhatian dan kajian. Namun begitu, apabila memasuki era moden ini, terdapat permasalahan yang dihadapi oleh pengkaji Muslim. Antara permasalahan tersebut ialah pertama, sama ada mereka perlu

mengikuti kaedah penyelidikan yang dijalankan oleh Barat yang mengecualikan sumber wahyu sebagai sumber ilmu pengetahuan. Kedua, mereka perlu menerima sumber wahyu sepenuhnya dengan meninggalkan terus kaedah moden dan menggunakan kaedah klasik semata-mata (Munawar Haque, 2010:53-54).

Walau bagaimanapun, tidak dinafikan terdapat sarjana Barat yang telah mengemukakan pelbagai teori dalam KPL. Teori-teori tersebut mengenai perkara yang boleh membentuk pengkaji yang baik, bagaimana cara untuk menjalankan kajian, perkara yang perlu dilakukan di peringkat perancangan, bagaimana untuk menyelesaikan masalah, menyediakan belanjawan, membuat penilaian, dan lain-lain lagi. Mereka telah membangunkan pelbagai kaedah dan teknik bagi membantu pengkaji dalam menjalankan kajian mereka. Pendekatan yang dijalankan adalah sistematik. Bahkan undang-undang yang berkaitan dengan kebebasan bersuara dan kebebasan mengakses maklumat yang wujud dalam masyarakat Barat kontemporari ini memudahkan lagi pengkaji menjalankan penyelidikan. Namun begitu, berlaku diskriminasi terhadap pengkaji-pengkaji Muslim. Perkara ini menyebabkan mereka tidak mampu untuk bebas bersuara dan mengakses maklumat, bahkan mereka dikekang dalam pemilihan subjek kajian dan teknik oleh pelbagai penindasan seperti politik dan persekitaran sosial (Munawar Haque, 2010:44-45).

Dari sudut pandangan pihak orientalis pula, mereka menyatakan bahawa umat Islam boleh menerima bulat-bulat segala ilmu daripada Barat dengan alasan ia jauh daripada fahaman kebendaan dan menyembah berhala, bahkan ilmu-ilmu Barat ini hanyalah ilmu sains semata-mata. Perkara ini adalah tidak benar kerana Islam mempunyai dasar yang jelas terhadap ilmu-ilmu Barat, bahkan Islam meletakkan

kawalan serta pertimbangan tersendiri bagi mengawasi perkara yang berkaitan dengan bentuk dan pelaksanaannya (Anwar al-Jundiy, 2001:124).

Sebelum muncul istilah KPBI, perbincangan tentang mengislamisasikan ilmu pengetahuan (*Islamization of knowledge*) terlebih dahulu timbul dalam kalangan ilmuwan Muslim. Antara ilmuwan Muslim terkini dan terdahulu yang banyak membincangkan perkara ini selain yang telah disebutkan sebelum ini adalah seperti Mohammad Mumtaz Ali (2014), Abuddin Nata (2013), Louay Safi (1998), Muhammad Syukri Salleh (2010), Irfan Ahmad Khan (1997), A. Rashid Moten (1990), Munawar Haque (2010), dan lain-lain lagi.

Kesedaran kepada perlunya mewujudkan KPBI sudah bermula sejak tahun 1950-an lagi (Muhammad Syukri Salleh, 2010:139-140). Kesedaran ini khususnya dapat dilihat melalui makalah-makalah yang diterbitkan dalam *Islamic Research Circle Bulletin* (Buletin Bulanan Kajian Islam) dan ditukar nama kepada *Islamic Thought* (Pemikiran Islam) pada tahun 1960-an yang bertempat di India. Selain itu, terdapat tiga buah karya yang membincangkan secara khusus tentang isu-isu pengkaedahan penyelidikan berteraskan Islam. Karya-karya tersebut ialah buku suntingan Mohammad Mumtaz Ali (1996) bertajuk *Conceptual and Methodological Issues in Islamic Research: A Few Milestones*. Buku kedua ialah *The Foundation of Knowledge – A Comparative Study of Islamic and Western Methods of Inquiry* (1996) karangan Louay Safi. Manakala buku ketiga pula ialah buku suntingan Mohammed Muqim (1999) bertajuk *Research Methodology in Islamic Perspective* (dipetik daripada Muhammad Syukri Salleh, 2010:139-140).

Muhammad Syukri Salleh (2010:157) berpendapat yang dimaksudkan dengan KPBI ialah kaedah penyelidikan yang bersumberkan al-Qur'an, al-Sunnah, dan khazanah serta tradisi penyelidikan Islam dan semasa. Pendapat Muhammad Syukri Salleh (2010) dilihat sama dengan pendapat Mohammed Mumtaz Ali (2008) yang menekankan kaedah penyelidikan dalam pengajian Islam perlu disandarkan dengan beberapa prinsip iaitu al-Qur'an, al-Sunnah, Ijmak, Qias, *Maṣāliḥ Mursalat*<sup>2</sup>, dan *Istiṣḥāb*<sup>3</sup>. Tambahan pula, Kuntowijoyo (dipetik daripada Abuddin Nata, 2013:55) menegaskan bahawa umat Islam pada masa kini sangat memerlukan ilmu pengetahuan sosial yang perlu diambil daripada nilai-nilai agama. Hal ini kerana, sebagai manusia, keperluan ilmu sosial yang dapat menjelaskan fenomena sosial dan memecahkannya secara baik sangat diperlukan.

Oleh yang demikian, ajaran Islam yang bersumberkan wahyu dan iman tidak dapat dijangkau oleh KPL yang bermula dari Barat. Hal ini kerana KPL harus mempertahankan objektiviti berdasarkan konsep-konsep pemikiran logik dan bukti-bukti empirikal. Kebenaran agama pula memerlukan kebenaran mutlak. Sedangkan kebenaran ilmiah hanyalah kebenaran yang berbentuk nisbi (iaitu tidak mutlak dan bersifat relatif) berdasarkan logik dan ketepatan ilmu pengetahuan. Oleh sebab itu, hakikat pengetahuan yang diperoleh melalui kaedah ilmu pengetahuan sifatnya adalah tidak mutlak (Mattulada, 1989:4).

---

<sup>2</sup> *Maṣāliḥ Mursalat* bermaksud membuat sesuatu hukum yang baik serta berfaedah mengikut kepentingan masyarakat selagi mana tiada sebarang nas yang menyalahi hukum tersebut (Ibn al-Mabrad, 2012:148).

<sup>3</sup> *Istiṣḥāb* bermaksud berpegang kepada dalil aqli atau naqli yang sedia ada selagi mana tiada dalil lain yang mengubahnya (Ibn al-Mabrad, 2012:143).